

20 AUG 1999

Mahkamah-Anwar (Musa)

MUSA: SAYA TIDAK TAHU AZIZAN PERGI BERJUMPA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 20 Ogos (Bernama) -- Pegawai polis yang menyiasat dakwaan aktiviti homoseksual Datuk Seri Anwar Ibrahim memberitahu Mahkamah Tinggi di sini hari ini beliau tidak tahu bahawa lelaki yang menuduh Anwar meliwatnya telah melaporkan perkara itu kepada Perdana Menteri.

SAC I Musa Hassan berkata beliau hanya tahu mengenainya daripada laporan akhbar yang dibacanya tahun lepas.

Bagaimanapun, selepas menjalankan penyiasatan terhadap dakwaan itu, beliau mendapati bahawa lelaki itu, Azizan Abu Bakar, juga telah menghantar perisytiharan bersumpah kepada perdana menteri berhubung perkara itu.

Musa memberi keterangan terhadap bekas timbalan perdana menteri dan bekas menteri kewangan, Anwar, 52, dan adik angkatnya, Sukma Darmawan Sasmitaat Madja, 38, yang menghadapi tuduhan berasingan tetapi dibicarakan bersama meliwat Azizan, bekas pemandu isteri Anwar, Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail.

Perbuatan itu didakwa dilakukan di apartmen Sukma di 10-7-2, Tivoli Villa, Jalan Medang Tanduk, Bangsar di sini kira-kira pukul 7.45 malam antara Januari dan Mac, 1993.

Sukma, seorang ahli perniagaan, menghadapi satu lagi tuduhan bersubahat dengan Anwar melakukan perbuatan itu di tempat dan pada masa yang sama.

Semasa pemeriksaan balas oleh peguam bela Anwar, Karpal Singh, pegawai polis itu berkata tidak pernah terlintas di fikirannya untuk bertanyakan Azizan kenapa beliau pergi berjumpa perdana menteri, dan menyatakan bahawa kenyataan Azizan yang beliau rekodkan sebanyak dua kali, tidak menyebut sama sekali mengenai perjumpaan itu.

Kepada soalan sama ada sebarang kenyataan diambil daripada Dr Mahathir, Musa berkata beliau tidak tahu.

Beliau bagaimanapun bersetuju dengan Karpal bahawa biasanya kenyataan akan direkodkan daripada seseorang yang namanya disebut oleh saksi utama seperti Azizan.

"Dalam kes ini adakah sebarang kenyataan diambil daripada perdana menteri," soal Karpal, yang dijawab oleh saksi: "Saya tidak tahu".

Musa mengaku bahawa beliau telah membaca laporan akhbar yang memetik Dr Mahathir sebagai berkata bahawa beliau (Dr Mahathir) telah menemui saksi-saksi tertentu berhubung dakwaan itu.

Karpal: Adakah Perdana Menteri ditemubual atau adakah satu kenyataan direkodkan daripada beliau?

Musa: Tidak.

Musa berkata beliau juga tidak tahu sama ada Azizan telah pergi berjumpa Perdana Menteri terlebih dahulu (mengenai perkara itu) sebelum pergi kepada polis.

Beliau bersetuju dengan peguam bahawa biasanya, dalam kes kesalahan seksual, aduan pertama yang dibuat kepada sesiapa sahaja merupakan paling penting terhadap kes itu.

Musa juga berkata bahawa sepanjang penyiasatannya itu, Azizan tidak pernah menyebut nama Datuk Megat Junid Megat Ayub kepada beliau. (Megat Junid ialah Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna).

"Isteri keduanya, Ziela (Norzila Jalil), seorang pelakon, adakah namanya disebut oleh Azizan?" soal Karpal.

"Bukan oleh Azizan," kata Musa dan menjelaskan bahawa kenyataan Norzila diambil oleh polis.

Kepada soalan lain Karpal, Musa berkata walaupun beliau tahu bahawa Tan Sri Rahim Noor, bekas ketua polis negara, telah membuat kenyataan media berhubung kes itu tetapi beliau tidak tahu atas asas apa ianya dibuat.

Rahim, katanya, tidak pernah terbabit dalam penyiasatan kes itu.

Semasa pemeriksaan semula oleh Timbalan Kanan Pendakwa Raya Abdul Gani Patail, Musa bersetuju bahawa laporan media yang memetik Dr Mahathir sebagai berkata bahawa "tuduhan terhadap Anwar adalah satu cubaan untuk mensabotaj beliau (Anwar)..." adalah berdasarkan satu laporan yang dikemukakan kepada Perdana Menteri oleh Cawangan Khas dan bukan daripada penyiasatan yang dibuat selepas itu.

Beliau berkata kenyataan yang diambil daripada Norzila adalah berkenaan dengan kes rasuah Anwar yang sebelum itu dan bukan bagi kes sekarang.

Terdahulu, Hakim Datuk Arifin Jaka memerintahkan pemeriksaan balas terhadap Musa disambung semula selepas beliau membuat "pemerhatian" bahawa pihak pendakwaan adalah salah jika mereka memilih untuk tidak mengesahkan alibi yang saksi mereka telah menyatakan kesediaan untuk menyiasat.

Beliau berkata: "Hasil pemerhatian mahkamah bahawa jika rekod (pergerakan Anwar) tidak bererti satu pengesahan, itu terpulang pada pihak pendakwaan dan ia akan menguntungkan pihak pembelaan."

"Malahan, jika (mahkamah) menerima alibi itu, habislah mereka (pihak pendakwaan)," kata Arifin.

Pagi semalam, Karpal, yang memeriksa balas Musa, memohon agar perbicaraan itu ditangguhkan bagi membolehkan Musa menyiasat kebenaran alibi pihak pembelaan selepas Musa menyatakan kesediaanya untuk berbuat demikian. Perbicaraan itu kemudian ditangguhkan hingga pukul 2.30 petang.

Selepas mahkamah menyambung semula perbicaraan pada petangnya, Peguam Negara Tan Sri Mohtar Abdullah, yang mengetuai pasukan pendakwaan memberitahu mahkamah bahawa beliau telah menasihatkan Musa supaya tidak menjalankan penyiasatan itu kerana pihak pendakwaan telah mempunyai rekod mengenai pergerakan Anwar antara 1992 dan September 1998.

Karpal kemudian memohon kes itu ditangguhkan kepada hari ini dengan menyatakan beliau memerlukan masa untuk mengemukakan rujukan bagi menyokong permohonannya.

Bagaimanapun, pagi ini, peguam itu tidak mengemukakan sebarang rujukan. Sebaliknya, beliau meminta Arifin memutuskan sama ada bolehkan Musa "mengingkari janjinya yang dibuat dalam keadaan bersumpah" -- dengan tidak meneruskan penyiasatan.

"Bagi seseorang yang memujuk saksi ini daripada berbuat sebaliknya adalah satu pelanggaran dan mencemarkan pentadbiran keadilan," kata Karpal, jelas merujuk kepada Mohtar yang menasihatkan Musa.

Mohtar yang membantah "sindiran" Karpal, menegaskan bahawa pihak pendakwaan mempunyai semua rekod pergerakan Anwar dan ianya adalah mencukupi untuk membalas hujah pembelaan.

"Jika IO (pegawai penyiasat) tidak mengesahkannya, jadi alibi anda adalah baik bagi anda. Saya fikir kita teruskan dengan pemeriksaan balas," kata Arifin.

-- BERNAMA

RA RHM RON